

PEMERINTAHAN BRUNEI SEBELUM ISLAM

*Dato Paduka Haji Awang Muhammad bin Abdul Latif
Awang Haji Zainuddin bin Haji Hassan*

Pendahuluan

Sejak Brunei wujud pada KM VI, Brunei ialah negeri beraja yang beragama Hindu-Buddha. Sejarah Dinasti Liang (TM 502–566) meriwayatkan Raja Brunei waktu itu bernama Pinka, keluarga baginda bergelar Kaundinya. Baginda beragama Hindu-Buddha.

Raja Pinka ini ialah seorang Raja yang segak dan gagah berani. Baginda memerintah 136 buah daerah. Ketika duduk di Balai Penghadapan, baginda bersemayam di atas singgahsana emas, manakala bangku kaki baginda dibuat daripada perak. Pakaian baginda dibuat daripada kain songket berbunga-bunga. Mahkota baginda bertatah batu permata, tingginya kira-kira satu kaki. Di pinggang baginda tersisip pedang Diraja yang berukiran emas.

Di kiri kanan singgahsana baginda bersusun dayang-dayang yang didandani bunga emas dan perhiasan berharga. Masing-masing memegang kipas bulu burung warna puteh dan kipas bulu burung merak. Mereka mengipas Raja yang sedang bersemayam. Jika Raja Pinka berangkat keluar istana seperti berburu, baginda menaiki kenaikan gajah, didahului oleh hulubalang dan pegawai-pegawai yang memukul gendang.

Pada TM 518, Raja Pinka telah menghantar utusan ke China membawa barang-barang pesambah hasil negeri untuk Maharaja China, antaranya ialah tikar emas. Isi surat Raja Pinka itu antara lain ialah;

Pertama, memberitahu tentang hormat takzimnya kepada Maharaja China;

Kedua, baginda tidak dapat berangkat ke China untuk menemui Maharaja China kerana jarak di antara kedua-dua negeri Brunei dengan China terlalu jauh; dan

Ketiga, menghantar utusan sebagai wakil baginda untuk menyembahkan tikar emas, dan lain-lain barang pesambah kepada Maharaja China.

Pada TM 523, Raja Pinka menghantar lagi utusan ke China diketuai oleh Chu-pa-ti. Utusan ini juga membawa barang-barang pesambah, antaranya ialah burung nuri putih, kain kapas, alat perkakas dibuat daripada kaca, cawan dibuat daripada kulit siput, wangi-wangian dan ubat-ubatan.

Pada zaman Dinasti Sui (TM 581–617), Raja Brunei bernama Hu-lu-na-po, keluarga baginda bergelar Chiari-ya ka. Pembesar-pembesar baginda dinamakan Tu-ka-ya-ma. Baginda ialah pengganti Raja Pinka. Pada TM 616, Raja Hu-lu-na-po telah menghantar utusan ke China, membawa barang-barang pesambah hasil negeri untuk Maharaja China.

Dinasti Tang (TM 618–906) meriwayatkan, Raja Hu-lu-na-po ini ialah seorang Raja yang besar dan kaya. Pada masa itu, baginda bersemayam di atas singgahsana emas di Balai Penghadapan. Pakaian baginda dibuat daripada kain songket berbunga-bunga yang dihiasi batu permata. Di kiri-kanan singgahsana baginda bersusun dayang-dayang yang didandani bunga emas dan perhiasan berharga. Masing-masing memegang kipas bulu burung warna putih dan kipas bulu burung merak yang digunakan untuk mengipas Raja yang sedang bersemayam.

Jika baginda berangkat keluar istana, baginda menggunakan kenaikan gajah, diiringi oleh hulubalang dan pegawai-pegawai yang memukul gendang dan meniup nafiri. Pada TM 669, Raja Hu-lu-na-po telah menghantar utusan ke China bersama dengan utusan Huan-wang (Siam). Utusan tersebut membawa barang-barang pesambah hasil negeri untuk Maharaja China.

Menurut Sejarah Dinasti Sung (TM 960–1279), Raja Brunei pada zaman itu bernama Raja Hiang-ta, memerintah 14 buah wilayah. Baginda menaiki takhta menggantikan Raja Hu-lu-na-po. Disebutkan, kerajaan baginda ini besar dan kuat, memiliki 100 buah kapal perang. Kalau askar-askar baginda pergi berperang, mereka memakai baju perang yang dibuat daripada tembaga yang digunakan untuk melindungi badan daripada tikaman musuh.

Diceritakan juga, Raja Hiang-ta ini ialah seorang Raja yang gagah perkasa. Sewaktu duduk di Balai Penghadapan, baginda bersemayam di atas singgahsana memakai pakaian kain songket berbunga-bunga. Lengan baginda bersindat, manakala tangan baginda berperang emas.

Apabila baginda berangkat keluar istana, baginda duduk di atas usungan dan diiringi oleh 500 orang hulubalang, masing-masing membawa pedang dan tombak. Di belakang baginda, beberapa orang pegawai membawa kaskul emas berisi pinang dan sirih. Jika baginda menggunakan jalan laut, baginda dilindungi oleh beberapa buah kapal perang kepunyaan baginda.

Pada TM 977, semasa China di bawah pemerintahan Maharaja T'ai-tsung, Raja Hiang-ta telah menghantar utusan ke China, diketuai oleh Abu Ali, Syeikh Noh dan Qadi Kasim. Utusan ini dipandu oleh P'u-lu-shih (Abu Salleh), seorang saudagar China keturunan Arab yang balik ke China selepas bermiaga di Brunei. Utusan Raja Brunei ini membawa sepucuk surat dan barang-barang pesambah hasil negeri untuk Maharaja China. Antara lain barang-barang pesambah itu ialah 100 kulit kura-kura, kapur barus, lima keping gaharu, tiga dulang cendana, kayu raksamala dan enam batang gading gajah.

Pada zaman pemerintahan Maharaja Yuan Fong (TM 1078–1085), Raja Brunei bernama Sri Madja atau Seri Maharaja. Pada Februari 1082, Raja Brunei ini telah menghantar utusan ke China membawa barang-barang pesambah hasil negeri untuk Maharaja China. Apabila hubungan Brunei dengan China renggang dan akhirnya putus, nama Raja-Raja Brunei tidak lagi disebut dalam Sejarah China, kecuali dalam zaman pemerintahan Dinasti Ming (TM 1364–1643). Menurut cerita orang tua-tua, Raja Brunei selepas Seri Maharaja itu ialah Raja Makatunaw dan Sang Aji Brunei, iaitu nenek Awang Alak Betatar.

Hubungan Brunei dengan China

Hubungan Brunei dengan China bermula sejak zaman pemerintahan Dinasti Liang (TM 502–566). Pada masa itu, kedua-dua buah negeri telah mengikat tali persahabatan melalui hubungan kerjasama dalam perdagangan.

Pada TM 518 dan TM 523, Raja Brunei telah menghantar utusan ke China dengan membawa surat dan barang-barang pesambah seperti tikar, kerang-kerangan laut, wangi-wangian dan bermacam-macam jenis barang untuk disembahkan kepada Maharaja China.

Sejarah Dinasti Sui (TM 581–617) menceritakan bahawa pada TM 616 Raja Brunei telah menghantar utusan ke China dengan membawa barang-barang pesambah untuk Maharaja China, antaranya burung nuri putih, barang-barang perkakas yang dibuat daripada kaca, kain kapas, cawan-cawan yang dibuat daripada kulit siput, wangi-wangian dan ubat-ubatan.

Begitu juga pada zaman pemerintahan Dinasti Tang (TM 618–906), Raja Brunei sentiasa memelihara hubungan yang baik dengan China. Baginda telah menghantar utusan ke China sebanyak empat kali, iaitu pada TM 618, TM 630, TM 669 dan TM 711. Misalnya, pada TM 669, baginda menghantar utusan ke China bersama-sama dengan utusan Huan-Wang (Siam).

Pada zaman pemerintahan Dinasti Sung (TM 960–1279), hubungan Brunei dengan China terus dipertingkatkan terutama dalam perdagangan dan perniagaan. Pada TM 977, seorang saudagar China bernama P'u-lu-shih (Abu Salleh) telah datang ke Brunei. Beliau dialu-alukan dan dilayan oleh Raja Brunei dengan penuh penghormatan. Baginda juga menyuruh beberapa orang pemburis perahu rakyat baginda menolong membaiki kapal P'u-lu-shih yang rosak.

Pada TM 977 itu juga, ketika P'u-lu-shih hendak balik ke China, Raja Brunei meminta beliau untuk memandu utusan baginda yang hendak ke China. Permintaan itu dipenuhi oleh P'u-lu-shih. Utusan Brunei itu diketuai oleh Abu Ali, Syeikh Noh, dan Qadi Kasim. Mereka membawa surat dan barang-barang pesambah untuk Maharaja China. Antara barang-barang pesambah itu ialah kapur barus, gaharu, cendana, kulit penyu, gading gajah, madu lebah dan barang-barang hasil negeri.

Pada TM 1082, Raja Brunei menghantar lagi utusan ke China. Mereka membawa surat dan barang-barang pesambah hasil negeri untuk Maharaja China pada zaman pemerintahan Dinasti Yuan (TM 1260–1368). Hubungan Brunei dengan China telah terputus, apabila Negeri China dalam keadaan huru-hara kerana raja-rajanya lebih suka berperang daripada bersahabat. Sungguhpun begitu, orang China yang diam di Brunei tidak terjejas dengan keadaan tersebut, mereka tetap aktif menjalankan perniagaan.

Pada zaman pemerintahan Dinasti Ming (TM 1364–1644), hubungan Brunei dengan China telah pulih semula dan perdagangan antara kedua-dua buah negeri kembali seperti sebelumnya. Kesan daripada hubungan yang baik ini, ada di antara ahli-ahli perniagaan China yang datang ke Brunei telah berkahwin dengan penduduk tempatan dan terus menetap di Brunei.

Pada TM 1375, seorang Kerabat Diraja China bernama Ong Sum Ping telah datang ke Brunei. Beliau dikenali oleh penduduk tempatan dengan nama Awang Sunting. Setelah beberapa lama tinggal di Brunei, Ong Sum Ping pun memeluk agama Islam. Setelah berkahwin dengan Puteri Sultan Muhammad Shah yang bernama Puteri Ratna Dewi, beliau digelar Pengiran Maharaja Lela. Adiknya pula telah berkahwin dengan Pengiran Bendahara Pateh Berbai yang terkenal dengan nama Sultan Ahmad (TM 1408–1425).

Hubungan Brunei dengan China kemudian bertambah kukuh dan akrab pada zaman Pemerintahan Huang-wo (TM 1368–1398) dan Maharaja Yong-la (TM 1403–1424). Waktu itu kapal-kapal dagang China dan utusan-utusan Maharaja China sering datang ke Brunei. Begitu juga sebaliknya, kapal-kapal dagang Brunei dan utusan Raja-Raja Brunei juga pergi ke China, terutama pada zaman Pemerintahan Sultan Muhammad Shah (TM 1363–1402), Sultan Abdul Majid (TM 1403–1408) dan Sultan Ahmad (TM 1408–1425).

Hubungan Brunei dengan Kerajaan Seriwijaya

Kerajaan Seriwijaya ialah Kerajaan Melayu yang diasaskan oleh Raja-Raja Melayu yang mengamalkan cara hidup India. Kerajaan ini terletak di Pulau Sumatera. Ibu negerinya bergelar Seriwijaya, juga terletak di Palembang. Kerajaannya beragama Buddha dan terdapat pusat tempat belajar agama Buddha di sana.

Empayar Kerajaan Seriwijaya meluas hingga ke seluruh Pulau Sumatera, Jawa, Borneo, Tanah Melayu, Ligor dan Patani. Negeri-negeri yang terdapat di kawasan tersebut tunduk dan membayar ufti kepada kerajaan Seriwijaya.

Kuasa Kerajaan Seriwijaya ini kuat pada TM 800 dan jatuh pada TM 1300, kerana diserang dan ditakluki oleh Kerajaan Majapahit yang berpusat di Pulau Jawa.

Hubungan Brunei dengan Kerajaan Seriwijaya sangat rapat. Selain membayar ufti, Brunei juga mempunyai hubungan dagang dengan Seriwijaya. Antara barang-barang yang diniagakan ialah seperti timah, ubat-ubatan dan rempah-rempahan.

Oleh sebab kedudukan Brunei terletak di tengah-tengah pelayaran di antara Seriwijaya dengan China, kapal-kapal Seriwijaya yang belayar ke China selalu singgah di Brunei. Begitu juga kapal-kapal China yang hendak ke Seriwijaya singgah di Brunei untuk bermiaga dan mengambil bekalan air dan

makanan. Apabila Kerajaan Seriwijaya runtuh dan ditakluki oleh Majapahit, Brunei bernaung pula kepada Kerajaan Majapahit, kerana Majapahit waktu itu sebuah kerajaan yang besar dan kuat.

Antara bukti yang menunjukkan Brunei pernah bernaung kepada Kerajaan Seriwijaya ialah:

Pertama, agama Buddha iaitu agama rasmi Kerajaan Seriwijaya terdapat di Brunei hingga sekarang dianut oleh masyarakat China, kerana China dan Seriwijaya adalah pengamal agama tersebut.

Kedua, Bahasa Sanskrit iaitu bahasa rasmi Seriwijaya juga masih digunakan dalam terasul ciri Adat Istiadat Diraja Brunei di samping nama gelaran Pembesar-Pembesar Diraja Brunei.

Hubungan Brunei dengan Kerajaan Majapahit

Kerajaan Majapahit terletak di Pulau Jawa. Ia diasaskan oleh Raden Wijaya pada TM 1292. Ibu negerinya terletak di tepi Sungai Berantas, Jawa Timur. Kerajaannya beragama Hindu, terkenal mempunyai tentera yang kuat.

Pada masa Hayam Wuruk (TM 1350–1389) memerintah Majapahit, dibantu oleh Perdana Menterinya yang bernama Patih Aria Gajah Mada, Kerajaan Majapahit telah meluas ke seluruh Pulau Jawa, Sumatera, Tanah Melayu, Singapura, Borneo dan Patani.

Negeri-negeri yang terdapat di kawasan-kawasan tersebut semuanya tunduk kepada Kerajaan Majapahit dan menghantar ufti. Begitu juga, agama Hindu turut berkembang melalui perluasan Kerajaan Majapahit yang menggantikan peranan agama Buddha. Brunei juga pernah berada di bawah naungan Majapahit. *Syaer Nagarakretagama* yang dikarang oleh Prapancha pada TM 1365, menyebutkan Brunei pada masa itu dipanggil dengan nama Buruneng. Tiap-tiap tahun menghantar ufti 40 kati kapur barus dan setempayan air pinang muda kepada Majapahit. Sejak bernaung di bawah Majapahit, keluarga Diraja Brunei dinamakan Pengiran iaitu mengambil sempena gelaran keluarga Diraja Majapahit.

Untuk menjaga kepentingan Majapahit di Brunei, Kerajaan Majapahit telah melantik Shahbandar dan Laksamana menjadi wakilnya. Mereka ini ditempatkan di pesisir pantai atau di Kuala Sungai.

Shahbandar, kerjanya menjaga peniaga-peniaga dan mengawal barang-barang yang keluar masuk pelabuhan. Manakala tugas Laksamana adalah untuk

mengawal ketenteraman negeri daripada serangan musuh. Kedua-dua gelaran ini masih kekal hingga sekarang dan menjadi gelaran Pembesar-Pembesar Diraja Brunei.

Pada TM 1369, Suluk pernah menyerang Brunei. Mereka telah membinasakan negeri dan merampas kapur barus. Dengan bantuan tentera Majapahit yang ada di Brunei, Suluk telah dapat diundurkan oleh pahlawan-pahlawan Brunei yang diketuai oleh Awang Semaun. Sejak pertempuran hebat itu, Suluk tidak lagi berani menyerang Brunei.

Apabila Patih Aria Gajah Mada meninggal dunia pada TM 1364 dan diikuti oleh Hayam Wuruk yang lindung dalam TM 1389, Kerajaan Majapahit menjadi lemah. Pada TM 1478, Kerajaan Majapahit jatuh ke tangan Kerajaan Demak.

Setelah Brunei mengetahui Patih Aria Gajah Mada meninggal dunia. Brunei membebaskan diri daripada Kerajaan Majapahit. Atas nasihat utusan China yang singgah di Brunei pada TM 1370, Brunei menghantar utusan ke China pada TM 1371 untuk meminta perlindungan. Pada TM 1405, baharulah Brunei diiktiraf oleh China menjadi negeri berdaulat.

Antara bukti yang menunjukkan Brunei pernah bernaung di bawah Kerajaan Majapahit ialah:

Pertama, Brunei pernah takluk ke Majapahit, dipanggil dengan Buruneng. Perkara ini telah dicatatkan dalam *Syaer Nagarakretagama* yang dikarang oleh Prapancha pada TM 1365.

Kedua, gelaran ‘Pengiran’ yang ada sekarang ini berasal dari Majapahit, kerana Majapahit sahaja yang menggunakan gelaran ‘Pengiran’ kepada ahli Kerabat Dirajanya.

Ketiga, Stupa yang didapati di Kianggeh, Bandar Seri Begawan, dan patung Ganesa yang ditemui di Limbang ialah tinggalan lama agama Hindu yang dikembang oleh pendita-pendita Majapahit di Brunei.

Keempat, nama gelaran Pembesar-Pembesar Diraja Brunei kebanyakannya warisan daripada gelaran Pembesar Diraja Majapahit.

Brunei Bebas dari Majapahit dan berlindung Kepada China

Setelah Pateh Aria Gajah Mada mangkat pada TM 1364. Kerajaan Majapahit pun menjadi lemah. Pada waktu inilah, Raja Brunei bernama Awang Alak

Betatar mengambil kesempatan untuk membebaskan Brunei daripada pemerintahan Kerajaan Majapahit di Jawa.

Menurut Sejarah China pada TM 1370, China telah menghantar utusannya ke Jawa, diketuai oleh Sin Tze dan Chang Ching Tze. Dalam perjalanan mereka ke Jawa, mereka telah singgah di Brunei.

Diceritakan oleh Sin Tze, Raja Brunei yang mereka temui itu ialah seorang Raja yang gagah dan garang. Namanya Mahamosa. Sikapnya acuh tak acuh, tidak mengendahkan kedatangan mereka. Siapakah Mahamosa itu? Mahamosa ialah pelat orang China menyebut Muhammad Shah, iaitu nama Awang Alak Betatar sesudah baginda memeluk agama Islam.

Setelah Sin Tze memperkenalkan dirinya, sebagai utusan Maharaja China, baharulah Raja Brunei menghormati dan menjemput duduk bersama-sama baginda. Menurut Sin Tze pertahanan Brunei waktu itu sangat lemah. Keadaan negeri binasa kerana dilanggar oleh tentera Suluk. Sin Tze merasa kasihan melihat keadaan itu, lalu beliau pun mencadangkan supaya Raja Brunei berlindung kepada China dan menghantar ufti.

Raja Brunei enggan menerima cadangan Sin Tze itu kerana Brunei pada masa itu miskin dan masih menghantar ufti ke Majapahit. Sin Tze menyatakan kepada Raja Brunei agar tidak takut lagi kepada Majapahit kerana Majapahit sendiri berlindung dan menghantar ufti ke China maka lebih elok Brunei berlindung kepada China sahaja. Oleh sebab utusan China itu pandai memujuk dan penerangannya masuk akal maka setelah Raja Brunei bermesyuarat dengan manteri-manteri baginda mengenai masa hadapan Brunei, akhirnya baginda pun bersetuju menghantar utusan ke China pada TM 1371, bersama-sama utusan China yang balik selepas melawat Jawa.

Utusan Brunei ini diketuai oleh seorang pegawai bernama Ismail. Mereka membawa surat dan barang-barang pesambah untuk Maharaja China seperti penyu hidup, kapur barus, burung merak dan bermacam-macam jenis wangi-wangian. Maharaja China gembira menerima utusan itu. Mereka dilayan dengan baik, dan diberi hadiah menurut taraf masing-masing.

Pada TM 1403, Raja Brunei yang baharu bernama Sultan Abdul Majid telah menghantar utusan ke China. Orang China menyebutnya Manajekana. Tujuan baginda menghantar utusan itu untuk memberitahu tentang kemangkatan ayahanda baginda, Sultan Muhammad Shah.

Pada TM 1405, Sultan Abdul Majid telah menghantar utusan lagi mengadap Maharaja China untuk meminta pengiktirafan. Maharaja China gembira menerima penghormatan yang sangat besar daripada Raja Brunei ini. Pada tahun yang sama (TM 1405), Maharaja China menghantar utusan ke Brunei diketuai oleh Laksamana Cheng Ho. Utusan ini membawa cap mohor Diraja dan barang-barang pesambah untuk Raja Brunei. Semenjak tarikh itu Brunei pun diiktiraf oleh Maharaja China menjadi negeri berdaulat.